KES SURAU JADI TOKONG

Majlis Fatwa sokong roboh

» *Langkah wajar jika kesucian rumah ibadat disalahgunakan*

Oleh Syalikha Sazili
syalikha@bh.com.my

Kuala Lumpur

Majlis Fatwa Kebangsaan menyokong tindakan tegas Kerajaan Johor yang akan merobohkan surau di Tanjung Sutera Resort, Sedili Besar, Kota Tinggi, Johor selepas ia disalahgunakan bagi upacara keagamaan penganut Buddha.

Pengerusinya, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin (**gambar**), berkata surau atau masjid adalah rumah Allah dan tempat untuk hambanya mentauhidkan Tuhan, tetapi apabila kesuciannya dicemari dan sudah disalahgunakan pihak tidak bertanggungjawab, maka tindakan yang wajar adalah merobohkannya.

Perkara salah

"Tindakan pemilik resort membenarkan upacara pemujaan agama lain dilakukan di surau terbabit adalah salah kerana ia dikira mensyirikkan Allah. Justeru Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) untuk merobohkan surau itu sangat wajar," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Baru-baru ini, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar yang bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam negeri itu, menitahkan supaya surau berkenaan dirobohkan. MAIJ juga sudah memutuskan akan bertindak sebaik siasatan kes itu selesai.

Pemilik resort terbabit, Syed Ahmed Salim Alkaff, 45, kini disiasat mengikut Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan. Jika sabit kesalahan, dia boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Ambil tindakan sewajarnya

Abdul Shukor berkata, Majlis Fatwa Kebangsaan menyerahkan kepada kerajaan negeri itu untuk menentukan tindakan yang sewajarnya terhadap pemilik resort berkenaan dan surau di pusat peranginan terbabit.

"Surau itu sudah dicemari dan saya berharap bukan saja pemilik resort itu, malah pihak lain juga ambil iktibar daripada isu ini.

"Kini tiada apa yang perlu dipertikaikan lagi, hanya tunggu tindakan yang bakal diambil oleh penguat kuasa," katanya.

NASIONAL

RABU 14 OGOS 2013 BH

Umat Islam perlu tolak pluralisme, perpecahan

Johor Bahru: Tindakan membenarkan surau digunakan penganut agama lain boleh membawa kepada perpecahan umat Islam dan pluralisme agama di negara ini.

Serentak itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, meminta umat Islam bersatu dalam memperkasa agama, selain tidak membenarkan pihak tidak bertanggungjawab memperdaya dan mempersendakan Islam.

"Hal berkaitan agama kuasa mutlak setiap negeri dan saya sokong usaha kerajaan Johor serta Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dalam usaha memantau isu ini.

"Usaha dan tindakan tegas seperti ini sememangnya perlu dibuat bagi memperkasa agama Islam agar tidak dipersenda dan dipermainkan pihak atau individu yang tidak peka terhadap sensitiviti agama," katanya kepada *BH*, semalam.

Sementara itu, Persatuan Pemuda Puteri Melaya Bersatu (PPRIM) [illegible]

"Kerajaan perlu mewujudkan kembali ISA atau gubal undang-undang baru yang lebih tegas supaya tiada siapa berani cuba perak-perand[illegible]

Roboh surau selepas siasatan kes selesai

» *Langkah diambil bagi elak penghinaan ke atas Islam*

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bh.com.my

Johor Bahru

Surau di Tanjung Sutera Resort Sedili Besar, Kota Tinggi, yang diguna untuk upacara keagamaan penganut Buddha dijangka diroboh selepas siasatan mengenai kes itu selesai.

Penasihat Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Datuk Nooh Gadut, berkata keputusan mengenai nasib bangunan yang dipercayai dibina dengan kos lebih RM60,000 itu akan diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dalam tempoh sebulan.

Perpecahan rakyat

"Surau yang mempunyai arah kiblat terpesong ini wajib dirobohkan kerana menimbulkan perpecahan rakyat dan penghinaan terhadap Islam.

"Tempat yang paling suci dan mulia di bumi ini ialah masjid dan surau.

"Sehubungan itu, masjid dan surau tidak dibenar menjalankan aktiviti agama lain selain Islam dan jika terdapat ada kegiatan agama lain maka surau itu boleh diroboh berdasarkan surah At-Taubah ayat 107," katanya.

Beliau berkata demikian pada satu sidang media di pejabatnya, di Pusat Islam Iskandar Johor, di sini, semalam.

Terdahulu, beliau bersama Pengerusi MAIJ merangkap Pengerusi Jawatankuasa Agama Johor, Abd Mutalip Abd Rahim dan beberapa ahli jawatankuasa MAIJ menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar bagi mempersembahkan laporan kes berkenaan.

Pemilik resort berkenaan, Syed Ahmad Salim, 45, kini dikenan selama empat hari mulai semalam, bagi membantu siasatan berhubung tindakannya membenarkan surau resort itu digunakan untuk upacara keagamaan Buddha.

Perintah reman itu dikeluarkan Pendaftar Mahkamah, Hairul Azhar Mohamad, di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, semalam.

Penjara dua tahun

Syed Ahmad didakwa mengikut Seksyen 295 Kanun Keseksaan iaitu mencemarkan tempat sembahyang dengan niat hendak mengaibkan agama mana-mana golongan dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Isnin lalu, *BH* melaporkan umat Islam dikejutkan dengan penyebaran video memaparkan surau dijadikan tempat penganut Buddha menjalankan upacara keagamaan mereka.

Nooh Gadut

Video berjudul 'Surau dijadikan tokong Buddha di Johor' selama 85 saat itu, memperlihatkan sekumpulan individu termasuk seorang sami Buddha menjalankan upacara keagamaan di dalam surau berkenaan, selain meletakkan lambang agama mereka di atas meja di ruang imam.

Nooh berkata, selepas polis selesai menyiasat kes itu, JAI (Jabatan Agama Islam Johor) akan mengambil alih siasatan mengikut Seksyen 7A Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 dan sabit kesalahan boleh dikenakan denda RM2,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya.

Sultan Johor gesa tetapkan kiblat

[illegible] Sultan Johor, pejabat daerah dan pihak ber[illegible]h dan PBT setiap kawasan kuasa tempatan (PBT) [illegible] pembinaan rumah ibadat [illegible] Keadilan itu juga bertujuan sebagai garis panduan [illegible]

Keratan ***laporan BH*** *14 Ogos lalu.*